

# SUKAN

# 27 IPT BERENTAP



NST 25.9.2016 24

OLEH IZHAM WAIDI

**KOTA KINABALU:** Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia Datuk Dr Mary Yap Kain Ching berharap penglibatan IPT dalam kejohanan sukan merupakan sumbangan besar dan perlu dihargai untuk mengharumkan IPT masing-masing dalam peningkatan mutu sukan di IPT berkenaan.

Melalui kejohanan sukan, Mary yakin penglibatan IPT dalam kesukanan merupakan sumbangan besar dan perlu dihargai untuk mengharumkan nama IPT dan negeri serta negara, secara tidak langsung sudah pastinya dapat melahirkan bintang-bintang sukan.

“Selain itu, ia juga dapat memupuk perpaduan pelbagai kaum dalam kalangan kontinjen,” kata Mary ketika berucap merasmikan Kejohanan IPT Sabah Piala Datuk Dr Mary Yap Kain Ching di Arena Universiti Malaysia Sabah (UMS), pagi kelmarin. Kejohanan ini merupakan yang julung kali nista diadakan dan dianjurkan oleh pihak UMS.

Katanya lagi, kerjasama antara IPT dan pihak terlibat khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi serta Kementerian Belia dan Sukan antara faktor penyebab setiap kejohanan mampu digalas dengan jayanya dan kementeriannya sentiasa menyokong setiap aktiviti yang dianjurkan oleh Universiti Awam yang ada di Sabah.

Mary berpendapat atlet juga dapat melatih diri untuk mempunyai minda yang terbuka serta memupuk semangat perpaduan dan sanggup menerima seterusnya memberi respon dalam pelbagai situasi secara positif.

“Sukan bukan sahaja mengelakkan kesihatan, malah membina mental seperti mengawal emosi, fokus, menyusun strategi dan membina semangat berpasukan,” katanya.

Mary berbesar hati, terharu dan mengucapkan penghargaan terima kasih kepada UMS berikutan memberi penghormatan menamakannya dalam kejohanan ini.

Sementara itu, Mary memuji Naib Canselor UMS Datuk Harun Abdullah serta pihaknya berikutnya menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Seksyen Perhubungan Awam Kedutaan Amerika Syarikat bagi mewujudkan American Corner “Lincoln Resource Centre” (LRC) baru-baru ini.

Ruang American Corner itu akan ditempatkan di Perpustakaan UMS dan diisi dengan pelbagai bahan berkaitan Amerika Syarikat termasuk mengadakan aktiviti yang boleh dimanfaatkan oleh warga kampus khasnya dan masyarakat setempat amnya.

Mengulas lanjut, Mohd Harun berkata untuk menganjurkan kejohanan itu pihaknya diberi kepercayaan dan dana daripada Kementerian Pendidikan Tinggi untuk merealisasi kejohanan edisi pertama itu.

“Penganjuran ini akan diteruskan pada

SEBAHAGIAN daripada 1,100 atlet dari 27 IPTA-IPTS yang mengambil bahagian.



RASMI...Mary (kiri) ketika merasmikan Kejohanan IPT Sabah Piala Datuk Dr Mary Yap Kain Ching sambil diperhatikan Harun (empat dari kanan), Ismail (tiga dari kanan) dan para tetamu undangan.

masa akan datang bagi memberi peluang khususnya kepada pelajar IPT di Sabah untuk bersama-sama merasai suasana kejohanan besar seperti sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia dan Sukan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia.

“Walaupun kejohanan ini melibatkan penyertaan IPT di Sabah sahaja, namun ia juga merupakan platform untuk pemilihan atlet dalam menonjolkan bakat pelajar agar

dapat diketengahkan di peringkat lebih tinggi,” tambahnya.

Dalam kejohanan ini, seramai 1100 peserta membabitkan 27 IPTA dan IPTS negeri Sabah, antaranya UMS Kota Kinabalu, Labuan dan Sandakan, Politeknik Kota Kinabalu dan Sandakan, Institut Pengajian Guru, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kolej Komuniti serta kolej swasta.

Acara yang dipertandingkan adalah bola

sepak (sembilan sebelah), bola Keranjang (tiga lawan tiga) termasuk wanita, bola jaring, sepak takraw, bola tampar lelaki dan wanita dan futsal wanita. Kejohanan dua hari itu akan berakhir hari ini.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Alumni UMS Prof. Madya Dr. Ismail Ali, Pegawai-pegawai utama dan kanan univeristi, Rektor, Pengarah IPT-IPTS dan lain-lain.